

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**RUJUKAN : BL8 [PR-1332-T68087]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah terdapat pengambil alihan flat atau pangsapuri oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau mana-mana syarikat untuk dibangunkan semula.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, sehingga kini hanya terdapat satu kawasan Perumahan Awam jual DBKL yang telah dimulakan projek pembangunan semula iaitu Perumahan Awam Razak Mansion di Jalan Sungai Besi. Pembangunan semula ini melibatkan 658 penduduk yang terdiri daripada 557 Pembeli dan 101 penyewa dengan DBKL. Penduduk ini hanya akan berpindah setelah unit gantian siap dibina.

Pembangunan semula ini tidak melibatkan isu pengambilan tanah memandangkan kesemua pembeli petak telah bersetuju dengan cadangan pembangunan semula tersebut.